

Diploma Kejururawatan

**PERTANYAAN**

Untuk Maklumat Lanjut

Unit Pengambilan Pelajar
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar
Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang

- 1300 888 876
- 04 - 653 3196 / 3327
- 04 - 653 3328

- ✉ admissions@usm.my
- 🌐 admission.usm.my | pohon.usm.my
- 🔗    Student Admissions USM



KAMI MEMIMPIN
Mentransformasikan Pendidikan Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok
www.usm.my

Jam
Masuk
USM



pohon.usm.my

Pengenalan

Program Diploma Kejururawatan Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan program profesional yang diiktiraf oleh Lembaga Jururawat Malaysia. Program ini berfokuskan kepada pendidikan akademik dan latihan klinikal bagi melatih jururawat profesional yang mahir dalam praktis kejururawatan klinikal moden yang selamat serta berupaya menyumbang kepada kesihatan masyarakat. Program yang ditawarkan di bawah **Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Kampus Kesihatan, Kelantan** ini terbuka kepada calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Objektif

1. Menyediakan graduan dengan pengetahuan asas dan kemahiran kejururawatan yang menyeluruh bagi memenuhi keperluan jururawat berdaftar.
2. Menghasilkan jururawat profesional dan berpengetahuan yang berupaya menjalankan praktis kejururawatan dengan selamat di persekitaran klinikal serta berupaya menyumbang kepada kesihatan masyarakat.

Tempoh Pengajian

- 3 tahun / 6 semester

Yuran

Yuran	RM
Yuran Pengajian (per semester)	400.00
Yuran Kebajikan & Kemudahan Siswa (per semester)	480.00
Tidak Berulang / Pendaftaran Penginapan (per semester)	840.00
	650.00

* Nota: Kadar yuran adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak universiti.

Syarat Kemasukan

Syarat Am

- Lulus SPM / Setaraf.
- Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/ Bahasa Melayu Julai.
- Lulus dalam mata pelajaran Sejarah.

Syarat Khas

- i. Lulus SPM / SPMV dengan **TIGA (3)** kepujian dalam mata pelajaran berikut:
 - Bahasa Melayu
 - Matematik (Moden/Tambahan)
 - Sains (Sains / Biologi / Kimia / Fizik / Sains Gunaan / Sains Tambahan)
- ii. Lulus dalam **DUA (2)** mata pelajaran berikut:
 - Bahasa Inggeris
 - mana-mana **SATU (1)** mata pelajaran lain.
- iii. Cemerlang dalam penilaian temuduga.

Nota : Calon perlu memenuhi syarat status kesihatan berikut :

1. Semua calon mesti disahkan sihat oleh Pegawai Perubatan Berdaftar dalam masa satu bulan daripada mengikuti program kejururawatan.
2. Calon tidak dibenarkan mengikuti program kejururawatan jika mempunyai masalah kesihatan berikut :

I. HIV/AIDS	IV. Masalah kesihatan mental
II. Hepatitis B	V. Epilepsi
III. Hepatitis C	VI. Buta warna
3. Calon tidak mempunyai sebarang ketidakupayaan fizikal atau ketidakupayaan deria yang boleh menghalang dalam melakukan kemahiran kejururawatan.



Tatacara Permohonan

- Permohonan secara atas talian melalui laman sesawang **pohon.usm.my**.
- Calon perlu memenuhi **Syarat Am** dan **Syarat Khas** program pengajian (Rujuk Syarat Kemasukan).
- Nombor rujukan permohonan akan dihantar kepada calon melalui emel setelah lengkap proses pendaftaran dan pembayaran wang proses berjumlah **RM60**. Sila layari <https://pohon.usm.my/portal/online>.
- Pilih kategori permohonan mengikut kelayakan akademik calon.
- Memuat naik dokumen akademik dan dokumen lain yang berkaitan.
- Semakan permohonan boleh dilakukan melalui laman sesawang **pohon.usm.my**.